



**MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH  
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Semua Warganegara Malaysia (Keutamaan Kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

**A. SKIM PERKHIDMATAN**

BIL	JAWATAN	GREED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI
1	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)	N19	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PELAKSANA	TETAP	GAJI MINIMUM :RM 1,352.00 GAJI MAKSIMUM :RM 4,003.00

**NOTA :**

**JADUAL GAJI DI ATAS TIDAK TERMASUK IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM, IMBUHAN TETAP PERUMAHAN DAN ELAUN-ELAUN LAIN.**

**B. SYARAT LANTIKAN**

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a) Warganegara Malaysia; dan
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
  - d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,408.40: atau
  - e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,464.80
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (Sekurang-Kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **C. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang MPT/1 yang boleh didapati secara percuma di:-
  - i) **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi  
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh,  
Jalan Ahmad Shah  
28000 Temerloh Pahang**
  - ii) **Muat Turun Borang dari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran  
Temerloh [www.mpt.gov.my](http://www.mpt.gov.my)**
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama salinan dokumen yang telah disahkan :-
  - i. **Sijil Kelahiran**
  - ii. **Kad Pengenalan (depan / belakang)**
  - iii. **Sijil Berhenti Sekolah**
  - iv. **Sijil / Diploma / Ijazah yang berkaitan**
  - v. **Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas – tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon.**
3. Permohonan daripada Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Penguasa Tempatan hendaklah di kemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini mengikut Perintah Am Bab 'A' Perenggan 21.
4. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di alamatkan kepada :-

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Temerloh  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi  
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh  
Jalan Ahmad Shah  
28000 Temerloh Pahang**

**Tarikh tutup permohonan : 31 OKTOBER 2019**

#### D. CATATAN AM

1. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan :
  - a) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
  - b) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.
  - c) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.